

NAMA :

TINGKATAN :



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PELAJARAN KELANTAN**

**MODUL LATIH TUBI
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013
TASAWWUR ISLAM
KERTAS 1
SET 5
1 ¼ jam**

5226/1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab **semua** bahagian.
3. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.
4. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah di tulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B.**

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 - 20	20	
B	21 - 40	20	
Jumlah		40	

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[20 markah]

- 1 Berikut adalah akibat mengabaikan tanggungjawab sebagai insan, **kecuali**
 - A Berlaku huru hara
 - B Mengeratkan silaturrahim
 - C Disayangi oleh masyarakat
 - D Hidup diberkati oleh Allah SWT

- 2 Berikut adalah antara bahaya ajaran sesat kepada individu, **kecuali**
 - A Putus silaturrahim.
 - B Tergelincir aqidah
 - C Terbatal syahadah.
 - D Keluar daripada Islam.

- 3 Berikut adalah golongan yang tidak layak menguruskan harta sendiri
 - I Orang miskin.
 - II Kanak-kanak
 - III Anak yatim.
 - IV Mualaf.
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Antara yang berikut yang manakah **bukan** menjelaskan fitrah beragama?
 - A En. Johari melakukan sujud syukur setelah mendapat kejayaan.
 - B En. Johan rajin beribadat setelah terselamat daripada kemalangan
 - C En. John memeluk Islam kerana kagum dengan dapatan kajiannya.
 - D En. Johny memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan wanita Islam.

- 5 Apakah hikmah penetapan hukum wajib dalam Islam?
 - A Menguji manusia samada patuh atau ingkar perintah Allah SWT.
 - B Memastikan manusia tidak melakukan kezaliman.
 - C Mendorong manusia melakukan kebaikan.
 - D Menghapuskan dosa-dosa kecil.

6 Antara yang berikut yang manakah hukuman bagi kesalahan takzir.,

- I Nasihat
- II Penjara
- III Buang daerah
- IV Potong tangan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

7 Situasi berikut adalah bersesuaian dengan konsep Murunah **kecuali**

- A Makan makanan haram sekadar menyelamatkan diri .
- B Memakai pakaian berfesyen yang menutup aurat .
- C Meninggalkan solat fardu ketika berperang.
- D Pergaulan bebas dalam batasan syarak

8 Antara yang berikut yang manakah **bukan** ciri-ciri hadis sahih ?

- A Terpelihara daripada sebarang illat.
- B Diriwayatkan oleh perawi yang thiqah.
- C Gugur seorang perawi daripada sanadnya.
- D Sanadnya bersambung terus kepada Rasulullah SAW.

9 Pilih pernyataan yang benar berdasarkan jadual dibawah?

A	Qadha	Usaha yang dilakukan bersungguh-sungguh untuk menghasilkan sesuatu penetapan hukum.
B	Fikah	Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid.
C	Ijtihad	Sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh majlis fatwa.
D	Fatwa	Penghakiman yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah.

10 Antara yang berikut yang manakah aktiviti muamalah Islam yang lebih mengutamakan konsep kerjasama sesama manusia?

- A Al- Rahn
- B Al- Ijarah
- C Al- Takaful
- D Al- Murabahah

- 11 Antara berikut merupakan faktor ketidakupayaan umat Islam budaya asing
- A Lemah aqidah.
 - B Berilmu pengetahuan.
 - C Mengamalkan budaya positif .
 - D Menjadikan Islam sebagai cara hidup.

- 12


Rasulullah SAW menolak hadiah yang ditawarkan agar baginda bertoleransi dengan ajaran kaum musyrikin Mekah.

Pernyataan di atas menggambarkan contoh

- A Thabat.
 - B Murunah.
 - C Waqiyah.
 - D Rabbaniyyah
- 13 Fungsi akal kepada manusia ialah
- I berfikir untuk memajukan alam.
 - II berfikir untuk menyelesaikan masalah
 - III berfikir tentang zat dan sifat Allah SWT.
 - IV berfikir untuk mentafsirkan wahyu Allah SWT
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 14 Perkara yang tidak merosakkan ibadat ialah
- A Riak.
 - B Takbur.
 - C Sum'ah.
 - D Qanaah

15



15. X ialah

- A Pemerhatian.
- B Penyasatan.
- C Pembuktian.
- D Penjelasan.

16 Kebaikan bekerja sendiri berbanding makan gaji ialah

- I bebas membuat keputusan.
- II tidak terikat dengan waktu.
- III pendapatan yang tetap.
- IV mendapat kepuasan.

- A I dan II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

17 Antara yang berikut yang manakah konsep tauhid Uluhiyyah

- A Allah SWT berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendakNya.
- B Allah SWT Pencipta, Pemilik dan Pentadbir alam.
- C Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi.
- D Hanya Allah SWT yang layak disembah.

18

Diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar:

“Bahawasanya Rasulullah SAW melarang menjual dan membeli anak binatang ternakan yang masih dalam kandungan ibunya

Hadis di atas menerangkan muamalah yang dilarang dalam Islam kerana

- A Mengamalkan riba.
- B Mengandungi unsur mamipulasi
- C Tidak melaksanakan akad jual beli.
- D Menjual barangan yang belum pasti.

19 Berikut adalah kedudukan Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah **kecuali**

- A Ketua agama
- B Ketua keluarga
- C Ketua tentera
- D Ketua negara

20 Berikut adalah cara mengatasi masalah lahir anak luar nikah

- A Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti.
- B Bergaul dengan kawan sekolah.
- C Menggalakkan perkahwinan.
- D Mengenakan tindakan tegas.

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan

21 Keyakinan dalam hati bahawa Allah SWT yang mentadbir semua perkara di dunia ini.

22 Nabi dan rasul terpelihara daripada melakukan sebarang dosa kecil dan dosa besar.

23 Persetujuan atau persepakatan antara ulama mujtahidin mengenai sesuatu hukum syarak pada masa-masa tertentu

24 Orang Islam yang telah akil baligh atau cukup umur diwajibkan mematuhi segala hukum Islam.

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Monopoli	Waqaf	Sedekah
Bertaubat	Ulul azmi	Dhaif

25 _____ ialah harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai yang berkaitan dengan agama Islam

26 Hadis _____ tidak boleh dijadikan hujah dalam soal akidah, perundangan, hukum halal dan haram.

27 Orang yang murtad dikenakan hukuman bunuh sekiranya enggan _____ .

28 Hasil tanaman di kebun yang dimakan oleh haiwan merupakan _____ dalam Islam .

Soalan 29 hingga Soalan 32

Tandakan (√) pada pernyataan yang betul.
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

29 Islam tidak mengharuskan wanita dilantik menjadi pemimpin negara.

30 Khulu' ialah pembatalan ikatan perkahwinan menurut keputusan kadi.

31 Islam telah lahir sejak zaman berzaman sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW lagi.

32 Memikir dan mengkaji zat Allah SWT dituntut dalam Islam.

Soalan 33 hingga Soalan 36


Tuliskan istilah yang sesuai pada pernyataan di bawah dalam ruangan jawapan yang disediakan.

Riba	Rasuah	Manipulasi	Monopoli
-------------	---------------	-------------------	-----------------

Bil	Pernyataan	Jawapan
33.	Memberi atau menerima sesuatu yang berharga untuk mendapatkan sesuatu dengan cara yang salah.	
34.	Menggunakan kemahiran dan kepakaran untuk mendapat keuntungan peribadi dengan cara yang salah.	
35.	Penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan atau perdagangan dalam pasaran tertentu oleh seseorang.	
36.	Pertambahan dalam urusan pinjaman, pertukaran barangan atau tambahan bayaran balik hutang.	


Soalan 37 hingga Soalan 40

Lengkapkan rajah berikut :



37. P ialah _____

38. Q ialah _____



39. X ialah _____

40. Y ialah _____

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah Bahagian B

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

1 (A) (B) (C) (D)

2 (A) (B) (C) (D)

3 (A) (B) (C) (D)

4 (A) (B) (C) (D)

5 (A) (B) (C) (D)

6 (A) (B) (C) (D)

7 (A) (B) (C) (D)

8 (A) (B) (C) (D)

9 (A) (B) (C) (D)

10 (A) (B) (C) (D)

11 (A) (B) (C) (D)

12 (A) (B) (C) (D)

13 (A) (B) (C) (D)

14 (A) (B) (C) (D)

15 (A) (B) (C) (D)

16 (A) (B) (C) (D)

17 (A) (B) (C) (D)

18 (A) (B) (C) (D)

19 (A) (B) (C) (D)

20 (A) (B) (C) (D)

BAHAGIAN A